A

LIM YOKE KHOON

lwn.

PENDAFTAR MUALLAF, MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
ROSNAINI SAUB PK
[SAMAN PEMULA NO: MT3-21-260-2003]
17 MEI 2006

C

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN: *Bidangkuasa - Mahkamah sivil dan mahkamah syariah - Pengisytiharan keluar dari agama Islam - Sama ada boleh disahkan oleh Mahkamah Tinggi - Sama ada dalam bidangkuasa khusus mahkamah syariah -*
D *Perlembagaan Persekutuan Perkara 121(1A) - Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, ss. 2, 61, 108, 113*

UNDANG-UNDANG ISLAM: *Murtad - Bidangkuasa memutuskan persoalan murtad - Sama ada terletak pada mahkamah syariah -*
E *Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, ss. 2, 61, 108, 113 - Perlembagaan Persekutuan per. 121(1A)*

PERKATAAN & ISTILAH: *"Muallaf" - "Muslim" - Skop dan maksud - Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, ss. 2, 108,113*

F

Plaintif, seorang muallaf, telah mengisytiharkan dirinya keluar dari agama Islam. Pengisytiharan dibuat melalui Surat Akuan dan Suratikatan Pol masing-masing bertarikh 9 Jun 2003. Penukaran agama plaintif bagaimanapun tidak diperaku oleh defendan
G pertama, sementara permohonan plaintif untuk menukar butir-butir kad pengenalannya ditolak oleh defendan ketiga (Jabatan Pendaftaran) atas alasan tidak berbidangkuasa untuk berbuat demikian. Tidak berpuas hati, plaintif memohon pengisytiharan, pertama, bahawa penukaran agamanya dari Islam kepada Kristian
H adalah sah dan teratur, dan kedua, bahawa s. 113 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 ('Enakmen Selangor'), yang menganggap seorang muallaaf sebagai Muslim, adalah tak sah dan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

I

Berkaitan pengisytiharan kedua di atas, hujah plaintif adalah bahawa – oleh kerana s. 2 Enakmen Selangor menyenaraikan 6 kategori mereka yang didefinasikan sebagai Muslim dan plaintif, sebagai muallaf, tergulung di dalam kategori (e), dan oleh kerana

State Islamic List di Jadual 9 Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan hanya menyebut "orang yang menganut agama Islam" dan kerana itu hanya merujuk kepada mereka yang di dalam kategori (a) di dalam definasi "Muslim" di dalam s. 2 Enakmen Selangor sahaja – maka, beliau, yang tergulung di dalam kategori (e), bukanlah seorang "Muslim" di sisi Perlembagaan Persekutuan. Plaintif juga berhujah bahawa Mahkamah Persekutuan dalam kes *Kamariah Ali & Yang Lain v. Kerajaan Negeri Kelantan & Satu Lagi* ('kes *Kamariah*') telah melihat kepada merit dan fakta kes sebelum memutuskan pemohon-pemohon di situ sebagai penganut agama Islam, dan oleh itu telah membuka ruang kepada mahkamah sivil untuk membuat keputusan mengenai isu sama ada seseorang itu penganut Islam atau tidak dengan mengambilkira kebebasan beragama yang termaktub di dalam per. 11 Perlembagaan Persekutuan. Defendan-defendan membantah dan memohon membatalkan tindakan plaintiff atas alasan relif yang dipohon terletak di bawah bidangkuasa mahkamah syariah, dan per. 121(1A) Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan mahkamah sivil mencampuri urusan yang berada di bawah bidangkuasa mahkamah syariah.

Diputuskan (membatalkan tindakan plaintif):

(1) Mahkamah tertinggi di negara ini telah pun menetapkan bahawa dalam menentukan soal bidangkuasa, pendekatan yang digunakan ialah apakah perkara pokok atau 'subject-matter' tindakan yang berkenaan. Sekiranya perkara pokok itu melibatkan sesuatu yang di dalam bidangkuasa mahkamah syariah, maka mahkamah sivil tiada bidangkuasa mendengar dan memutuskannya. *(Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai v. Shaik Zolkafly bin Shaik Natar; Soon Singh a/l Bikar Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor)*. (perenggan 9)

(2) Perkara pokok yang plaintif kehendaki diputuskan oleh mahkamah dalam tindakan ini melibatkan status agama plaintif yang mendakwa telah keluar dari Islam dan menganut agama Kristian. Ini terkandung dalam prayer (a) saman pemula plaintif. Oleh itu, mahkamah sivil tidak mempunyai keupayaan dan bidangkuasa menerima apa-apa pengisytiharan yang dibuat oleh plaintif bahawa beliau bukan lagi seorang Islam. Bidangkuasa hanya terletak pada mahkamah syariah. (perenggan 11)

(2a) Selain itu, s. 61(3)(b)(x) Enakmen Selangor memperuntukkan bahawa mahkamah syariah mempunyai bidangkuasa membuat pengisytiharan mana-mana orang sebagai bukan lagi seorang Muslim. Jelas bahawa kuasa untuk mengisytiharkan dan mementukan sama ada plaintif telah murtad terletak pada Mahkamah Tinggi Syariah dan dengan itu, menurut per. 121(1A) Perlembagaan Persekutuan, mahkamah sivil tiada bidangkuasa tentangnya. (perenggan 12 & 13)

(3) Hujah bahawa s. 2 Enakmen Selangor telah meluaskan definasi "Muslim", dan bahawa seorang muallaf tidak boleh didefinasikan sebagai "Muslim" sukar diterima. Muallaf adalah seorang yang menganut agama Islam. Oleh itu, apabila plaintif memeluk agama Islam pada 27 Oktober 1992 untuk berkahwin dengan suaminya ketika itu, beliau telah menjadi seorang penganut agama Islam. Sebenarnya, tidak ada bezanya mereka yang di katerori (a) dengan mereka yang di kategori (b) hingga (f) di dalam definasi "Muslim" di s. 2 Enakmen Selangor tersebut. Mereka semuanya adalah penganut agama Islam. (perenggan 24)

(4) Meneliti kes *Kamariah*, jelas bahawa plaintif tersalah faham apa yang sebenarnya diputuskan di situ. Dalam kes tersebut, Mahkamah Persekutuan hanya mengesahkan prinsip undang-undang universal bahawa seseorang itu tidak boleh terlepas dari cengkaman undang-undang dengan sewenang-wenang mengistiharkan dirinya sebagai bukan lagi orang yang tergulung di dalam golongan orang yang tertakluk kepada undang-undang itu. Di dalam kes tersebut tiada pertikaian bahawa pemohon-pemohon adalah penganut agama Islam semasa kesalahan dilakukan, dan dengan itu, mereka tidak boleh melepaskan diri dengan kemudiannya mengisytiharkan diri mereka bukan Islam. Itulah sebabnya mengapa Mahkamah Persekutuan merasakan tidak perlu untuk menjawab tiga persoalan undang-undang yang dikemukakan kepadanya. Adalah tidak betul untuk menyatakan bahawa kes *Kamariah* telah membuka ruang untuk mahkamah ini membuat penentuan sama ada plaintif adalah seorang penganut Islam ataupun tidak. (perenggan 28)

Kes-kes yang dirujuk:

Azizah Shaik Ismail & Anor v. Fatimah Shaik Ismail & Anor [2003] 4 CLJ 281 CA ***(dirujuk)***

Kamariah Ali & Yang Lain v. Kerajaan Negeri Kelantan & Satu Lagi [2004] 3 CLJ 409 FC ***(dirujuk)***

Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor [2004] 6 CLJ 242 HC ***(dirujuk)***

Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai v. Shaik Zolkaffily Shaik Natar & Ors [2003] 3 CLJ 289 FC ***(dirujuk)***

Soon Singh Bikar Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor [1999] 2 CLJ 5 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Administration of Islamic Law Enactment 1989, s. 75

Administration of Islamic Law (Federal Territories) 1993, s. 2

Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003, ss. 61(3)(b)(x), 108, 113

Federal Constitution, arts. 11, 121(1A)

Bagi pihak plaintif - Edmund Bon (K Shanmuga bersamanya); T/n Chooi & Co

Bagi pihak defendan pertama - Kamar Azura; T/n Aishah Kama & Sabri

Bagi pihak defendan kedua - Aida Adha Abu Bakar

Bagi pihak pihak defendan ketiga & keempat - Azizah Hj Nawawi

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Rosnaini Saub PK:

[1] Adalah telah dipersetujui bahawa keputusan dalam kes ini (iaitu kes Saman Pemula No: 21-260-2003) akan mengikat dan terpakai kepada dua kes yang lain, iaitu kes Saman Pemula No. 21-249-2003 dan kes Saman Pemula No. 21-272-2003. Pihak-pihak telah bersetuju bahawa isu-isu yang hendak diputuskan didalam ketiga-tiga kes tersebut adalah sama.

[2] Defendan-defendan disini membuat permohonan untuk membatalkan tindakan plaintif ini. Pada asasnya, defendan-defendan membuat permohonan ini bersandarkan kepada alasan bahawa mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa mendengar dan memutuskan kes ini. Adalah pendirian kesemua defendan bahawa perkara yang hendak diputuskan didalam tindakan yang dibawa

oleh plaintif ini melibatkan isu keluar Islam atau isu murtad dan dengan itu hanya mahkamah syariah sahaja yang boleh berbuat sedemikian.

[3] Fakta kes ini adalah seperti berikut. Plaintif telah dilahirkan sebagai seorang Cina pada 18 Februari 1973 dengan nama Lim Yoke Khoon. Beliau menganuti agama Kristian. Kemudian pada 14 April 1994 beliau berkahwin dengan seorang Muslim. Bagi membolehkan perkahwinan tersebut dilangsungkan, beliau telah pada 27 Oktober 1992 memeluk dan menganuti agama Islam serta memakai nama Noorashikin Lim binti Abdullah. Perkahwinan tersebut tidak kekal dan pada 6 Mei 1997 plaintif telah bercerai dengan suaminya. Plaintif mendakwa bahawa selepas menganuti Islam, beliau tidak pernah mengamalkan apa-apa suruhan agama tersebut. Melalui Surat Akuan bersumpah dan Suratikatan Pol yang kedua-duanya bertarikh 9 Jun 2003, plaintif membuat pengakuan bahawa beliau telah pun menganut semula agama Kristian dan telah menggunakan semula nama asalnya.

[4] Melalui satu surat bertarikh 11 Jun 2003, beliau memaklumkan pertukaran status agama dan nama beliau kepada Majlis Agama Islam Selangor (defendan pertama). Plaintif juga telah memohon kepada Ketua Pengarah, Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (defendan ketiga) untuk menukar nama beliau didalam kad pengenalan ke nama asal atas alasan bahawa beliau telah pun keluar dari Islam. Defendan ketiga melalui surat bertarikh 18 September 2003 memaklumkan kepada plaintif bahawa ia tiada bidangkuasa untuk meluluskan permohonan plaintif tersebut. Permohonan plaintif untuk mendaftarkan perkahwinannya dengan teman hidupnya yang baru yang juga tunangnya yang beragama Kristian telah juga tidak dilayan oleh defendan ketiga.

[5] Oleh itu plaintif telah memfailkan saman pemula terpinda ini memohon perintah-perintah seperti berikut:

a. Deklarasi bahawa beliau telah melalui Surat Akuan bertarikh 9.6.2003 dan Suratikatan Pol bertarikh 9.6.2003 menukar agamanya kepada seorang penganut Kristian;

b. Deklarasi bahawa beliau telah melalui kedua-dua surat tersebut, menghapuskan nama Islamnya dan diganti dengan nama asalnya, iaitu Lim Yoke Khoon;

c. Deklarasi bahawa Peraturan 14(2)(b) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 adalah bercanggah dengan hak kebebasan beragama Plaintif dibawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan dan oleh yang sedemikian, adalah tidak sah dan batal;

d. Deklarasi bahawa Seksyen 113 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor 2003 adalah bercanggah dengan hak kebebasan beragama Plaintif dibawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan dan oleh itu adalah tidak sah dan batal;

e. Perintah bahawa Defendan Pertama dihalang daripada menangkap dan/atau menahan dan/atau mendakwa Plaintif berhubung dengan penukaran agama Plaintif kepada agama Kristian.

[6] Puan Kamar Azura, peguam bagi defendan pertama, Puan Aida Adha bt. Abu Bakar, Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor bagi pihak defendan kedua dan Puan Azizah Haji Nawawi, Peguam Kanan Persekutuan bagi pihak defendan ketiga dan keempat pada asasnya berhujjah bahawa perkara pokok kepada tindakan plaintif ini adalah untuk pengisytiharan bahawa beliau tidak lagi menganuti dan mengamalkan agama Islam dan dengan itu ianya jatuh didalam bidangkuasa mahkamah syariah. Adalah juga dihujjahkan bahawa Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan jelas tidak membolehkan mahkamah sivil mencampuri perkara yang dibawah bidangkuasa mahkamah syariah. Beberapa kes otoriti tentang perkara ini telah dirujuk.

[7] En. Edmund Bon (En. K. Shanmuga bersamanya), peguam plaintif yang bijaksana telah dengan panjang lebar menggemukakan hujjahnya dalam isu yang berbangkit dan hujjah beliau bolehlah dirumuskan seperti berikut:

1. Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan sebenarnya tidak menghalang mahkamah sivil daripada memutuskan isu pertukaran agama seseorang dari Islam kepada bukan Islam;

2. Perkara kemasukan dan pertukaran atau "renunciation" agama seseorang itu (termasuklah agama Islam) adalah perkara yang termaktub dan dilindungi dibawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan dan bukan dibawah State Islamic List, iaitu Perengan 1 kepada Jadual 9 Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan. Peguam Plaintif mempelawa mahkamah ini memberikan "harmonious interpretation" kepada pemakaian

A Perkara 11 Perlembagaan dengan State Islamic List tersebut. Dengan lain perkataan, adalah dihujjahkan bahawa memandangkan State Islamic List tidak secara nyata menyebut tentang pemelukan atau pengeluaran dari agama Islam, maka perkara ini tidak sepatutnya dimasukkan ke dalam State Islamic B List tersebut;

3. ungkapan "orang-orang yang menganut agama Islam" atau dalam bahasa Inggerisnya "persons professing the religion of Islam" yang terdapat didalam State Islamic List tersebut C hendaklah diterjemahkan sebagai bermaksud seorang yang telah dan masih menganut agama Islam dan bukan kepada seorang yang tidak lagi menganuti Islam, seperti plaintif sekarang. Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memberi kebebasan kepada seseorang menentukan apakah agama yang hendak D dianutinya.

4. Mahkamah Sivil tetap mempunyai bidangkuasa mentafsir mana-mana undang-undang bertulis termasuk enakmen negeri berkaitan pentadbiran undang-undang Islam. Adalah E dihujjahkan bahawa definasi "Muslim" didalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 (selepas ini disebut "Enakmen Negeri Selangor tersebut") adalah bertentangan dengan Perlembagaan dan tidak sah. Sekali lagi dihujjahkan bahawa State Islamic List merujuk kepada F ungkapan 'orang-orang yang menganut agama Islam' dan tidak ada definasi khas bagi perkataan 'Muslim'. Enakmen Negeri Selangor tersebut telah meluaskan skop definasi 'orang yang menganut agama Islam' apabila menggulungkan plaintif, seorang 'convert' atau muallaf yang kemudiannya keluar Islam, sebagai G seorang muslim.

5. Mahkamah ini mempunyai bidangkuasa mendengar tindakan plaintif kerana terdapat berbagai persoalan berkaitan pentafsiran undang-undang yang perlu diputuskan.

H **[8]** Sekali lagi mahkamah ini berdepan dengan persoalan atau skop Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan berhubungkait dengan tindakan seorang Muslim yang mendakwa dirinya telah keluar dari Islam.

I

[9] Mahkamah tertinggi dinegara ini telah pun memutuskan dan menetapkan bahawa dalam menentukan soal bidangkuasa, pendekatan yang digunakan ialah apakah perkara pokok atau 'subject-matter' tindakan yang berkenaan. Sekiranya perkara pokok itu melibatkan sesuatu yang didalam bidangkuasa mahkamah syariah, maka mahkamah sivil tiada bidangkuasa mendengar dan memutuskannya. Pada pendapat saya, Mahkamah Persekutuan, melalui penghakiman yang diberikan oleh Haidar, CJ Malaya, didalam kes *Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai v. Shaik Zolkaffily bin Shaik Natar & Ors* [2003] 3 CLJ 289 telah akhirnya mengesahkan tanpa ragu-ragu lagi tentang penggunaan pendekatan 'subject-matter' tersebut dalam menentukan isu bidangkuasa. Penghakiman Haidar, CJ Malaya, didalam kes tersebut bersetuju dengan pendekatan yang telah digunakan didalam kes *Soon Singh a/l Bikar Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor* [1999] 2 CLJ 5.

[10] Penggunaan atau pemakaian pendekatan "subject-matter" atau "perkara pokok" ini dapat diperhatikan dengan jelas didalam kes *Azizah Shaik Ismail & Anor v. Fatimah Shaik Ismail & Anor* [2003] 4 CLJ 281. Didalam kes itu perayu telah memberikan anaknya yang baru lahir kepada responden untuk dijaga. Mereka berugama Islam. Kemudiannya atas perintah Mahkamah Syariah, penjagaan budak tersebut (yang telah pun berusia belasan tahun) telah diserah kembali kepada perayu tetapi budak tersebut telah lari balik ke pangkuan responden. Perayu memohon supaya responden dikenakan hukum penjara kerana melanggar perintah penjagaan tetapi Mahkamah Syariah telah enggan menghukum responden kerana budak itu sendiri yang tidak mahu balik kepada perayu. Perayu memfailkan permohonan writ *habeas corpus* di Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan kembali budak tersebut daripada responden. Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan perayu dan Mahkamah Persekutuan mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut. Abdul Hamid Mohamad FCJ di dalam kes tersebut di ms 286 menjelaskan:

> Therefore, this court has put to rest that the subject matter approach should be adopted.
>
> In this case, there is no doubt that the subject matter of the case is the custody of the child. That clearly falls with the jurisdiction of the Syariah Court. Even learned counsel for the appellants did not dispute that. His argument was that since the Syariah Court had no jurisdiction to issue the writ of *habeas corpus*, the civil court

had jurisdiction to issue the same in this case. *The short answer to that argument is that habeas corpus is the remedy sought and not the subject matter of the case.*

Since the subject matter in question is custody of the child and since that is clearly within the jurisdiction of the Syariah Court, by virtue of the provision of art. 121(1A) of the Federal Constitution, the High Court has no jurisdiction over the matter. (Penekanan diberikan)

[11] Saya mendapati bahawa perkara pokok yang plaintif kehendaki diputuskan oleh mahkamah didalam tindakan ini sememangnya melibatkan status agama plaintif yang mendakwa telah keluar dari Islam dan menganut agama Kristian. Ini terkandung didalam prayer (a) saman pemula plaintif, iaitu deklarasi bahawa dia telah menukar agamanya kepada Kristian. Kesemua prayer yang lain yang dipohonnya itu adalah lanjutan kepada prayer (a) tersebut. Seperti yang telah diputuskan oleh kes-kes otoriti yang terdahulu, mahkamah sivil tidak mempunyai keupayaan dan bidangkuasa menerima apa-apa pengisytiharan yang dibuat oleh plaintif bahawa beliau bukan lagi seorang Islam. Bidangkuasa hanya terletak pada mahkamah syariah. Rationale dan alasan mahkamah berpendirian sedemikian telah pun diulas dan diterangkan dengan mendalam didalam kes-kes otoriti terdahulu, termasuklah kes-kes yang dirujuk diatas, dan tidak perlulah saya ulas lanjut disini.

[12] Lagi pun, s. 61(3)(b)(x) Enakmen Negeri Selangor tersebut dengan nyata memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa membuat pengisytiharan mana-mana orang itu bukan lagi seorang Muslim. Seksyen 61(3)(b)(x) tersebut berbunyi seperti berikut:

Jurisdiction of Syariah High Court

S 61(3) The Syariah High Court shall:

(b) in its civil jurisdiction, hear and determine all actions and proceedings if all the parties to the actions or proceedings are Muslim and the actions or proceedings relate to:

(x) **a declaration that a person is no longer a Muslim;** (Penekanan diberikan)

[13] Oleh itu jelas kuasa untuk mengisytiharkan dan menentukan samaada plaintif telah murtad atau tidak (iaitu bukan lagi Muslim) jelas terletak pada Mahkamah Tinggi Syariah dan dengan itu

menurut Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan, mahkamah sivil tiada bidangkuasa tentangnya. Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti berikut:

> Article 121(1A)
>
> The courts referred to in Clause (1) shall have no jurisdiction in respect of any matter within the jurisdiction of the Syariah courts.

Mahkamah-mahkamah yang dimaksudkan dibawah kl. (1) Perkara 121(1A) tersebut adalah Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Sabah Dan Sarawak.

[14] Didalam kes *Soon Singh Bikar Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Kedah & Anor (supra)* Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa perkara berkaitan keluar Islam adalah didalam bidangkuasa mahkamah syariah sungguhpun tiada peruntukan khusus berkaitannya terdapat didalam enakmen negeri yang meletakkan bidangkuasa itu kepada mahkamah syariah. Ini adalah kerana Mohamad Dzaiddin FCJ yang memberikan penghakiman Mahkamah Persekutuan didalam kes tersebut, berpendapat kuasa sedemikian adalah tersirat. Mohamad Dzaiddin FCJ didalam kes *Soon Singh* tersebut *(supra)* di ms 22 menjelaskannya begini:

> Therefore, when jurisdiction is expressly conferred on the Syariah courts to adjudicate on matters relating conversion to Islam, in our opinion, it is logical that matters concerning conversion out of Islam (apostasy) could be read as necessarily implied in and falling within the jurisdiction of the Syariah courts.

[15] Jika sedemikian telah diputuskan didalam kes *Soon Singh (supra)*, apa tah lagi didalam kes dihadapan saya ini kerana didalam kes ini kita ada peruntukan yang bukan tersirat malah tersurat, iaitu s. 61(3)(b)(x) Enakmen Negeri Selangor tersebut yang memberikan bidangkuasa khusus kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk menentukan soal keluar Islam atau murtad. Mahkamah ini dengan itu tiada upaya untuk melayan perintah atau prayer (a) yang dipohon oleh plaintif, iaitu deklarasi bahawa beliau telah melalui Surat Akuan bertarikh 9 Jun 2003 dan Suratikatan Pol bertarikh 9 Jun 2003 menukar agamanya kepada seorang penganut Kristian;

[16] Justeru itu saya dengan hormatnya tidak boleh menerima hujjahan peguam plaintif yang bijaksana bahawa Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan tidak menghalang Mahkamah ini menentukan isu pertukaran agama seorang muslim. Saya terikat dengan keputusan Mahkamah yang lebih tinggi kerana wujudnya doktrin *stare decisis.*

[17] Pada pendapat saya, adalah 'settled law' bahawa mahkamah sivil tidak berupaya dan tidak boleh menerima pengakuan seseorang penganut Islam yang dia telah keluar dari Islam. Hanya mahkamah syariah sahaja yang boleh berbuat sedemikian. Diatas alasan ini sahaja sudah memadai untuk tindakan plaintif ini dibatalkan kerana ketiadaan bidangkuasa mahkamah ini mendengarnya.

[18] Walaubagaimanapun, saya merasakan perlu juga menyentuh sedikit tentang beberapa perkara lain yang ditimbulkan didalam hujjahan peguam pihak-pihak, terutamanya hujjahan peguam plaintif.

[19] Plaintif dalam kes ini adalah seorang muallaf dan salah satu perintah deklarasi yang dipohon adalah s. 113 Enakmen Negeri Selangor tersebut, iaitu pengganti kepada s. 75 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Negeri Selangor 1989, adalah tidak sah dan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Seksyen 113 menggulungkan seorang muallaf sebagai Muslim dan berbunyi seperti berikut:

> s 113 (1) A person who has converted to the religion of Islam and has been registered in the Register of Muallafs shall, for the purposes of any Federal or State law, and for all time, be treated as a Muslim.
>
> (2) A person whose conversion to the religion of Islam has been registered under any law of any State shall, for the purposes in the State of Selangor and for the purposes of implementing the provisions of any law in the State of Selangor, be treated as a Muslim.

[20] Muallaf adalah seorang yang telah memeluk agama Islam menurut s. 108 Enakmen Negeri Selangor tersebut. Ini membawa pula kepada persoalan samaada definasi 'Muslim' didalam s. 2 Enakmen Negeri Selangor tersebut selaras dengan Perlembagaan Persekutuan?

[21] Saya sebenarnya berpeluang memutuskan didalam satu kes sebelum ini tentang perkara yang sama, iaitu kes Mahkamah Tinggi Shah Alam Saman Pemula No. MT3-21-126-2004. Didalam kes itu saya telah merujuk kepada keputusan dan permerhatian yang dibuat berkaitan definasi "Muslim" didalam s. 2 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 (yang pari material dengan s. 2 Enakmen Negeri Selangor tersebut) oleh Hakim Faiza Tamby Chik dalam kes *Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* [2004] 6 CLJ 242. Saya telah memutuskan didalam kes tersebut bahawa definasi 'Muslim' yang terkandung didalam s. 2 Enakmen tersebut tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Setelah menimbang hujjah yang dikemukakan oleh peguam plaintif disini, saya mendapati tiada sebab mengapa saya harus menggubah pendirian saya tentang isu ini. Jika definasi "Muslim" tersebut tidak bercanggah dengan Perlembangaan Persekutuan, maka begitu jugalah dengan s. 113 Enakmen Negeri Selangor tersebut.

[22] Peguam plaintif juga berhujjah bahawa s. 2 tersebut telah meluaskan definasi "muslim". Untuk memahami hujjah peguam plaintif ini adalah perlu diturunkan definasi "muslim" yang terkandung didalam s. 2 Enakmen Negeri Selangor tersebut:

> "Muslim" means:
>
> (a) a person who professes the religion of Islam;
>
> (b) a person either or both of whose parents were at the time of the person's birth, a Muslim;
>
> (c) a person whose upbringing was conducted on the basis that he was a Muslim;
>
> (d) a person who is commonly reputed to be a Muslim;
>
> (e) a person who has converted to the religion of Islam in accordance with section 108; or
>
> (f) a person who is shown to have stated, in circumstances in which he was bound by law to state the truth, that he was a Muslim, whether the statement be oral or written.

[23] Dapat dilihat bahawa dibawah s. 2 tersebut terdapat 6 kategori mereka yang didefinasikan sebagai Muslim dan plaintif didalam kes ini tergulung didalam kategori (e), iaitu seorang Muallaf. Apa yang saya faham tentang hujjah peguam plaintif ialah State Islamic List di Jadual 9 Senarai Negeri, Perlembagaan

Persekutuan hanya merujuk dan menggunakan ungkapan "orang yang menganut agama Islam" atau "person who professes the religion of Islam" dan dengan itu hanya mereka dikategori (a) didalam definasi "Muslim" di s. 2 Enakmen Negeri Selangor tersebut sahaja yang selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Plaintif yang tergulung didalam kategori (e), iaitu seorang Muallaf dengan itu tidak sepatutnya didefinasikan sebagai "Muslim".

[24] Bagaimanapun sukar untuk saya menerima hujjah ini kerana pada pendapat saya Muallaf adalah seorang yang menganut agama Islam. Oleh itu apabila plaintif memeluk Islam pada 27 Oktober 1992 untuk berkahwin dengan suaminya ketika itu, beliau telah menjadi seorang yang menganut agama Islam. Sebenarnya tidak ada bezanya mereka di kategori (a) dengan mereka dikategori (b) hingga (f) didalam definasi Muslim di s. 2 tersebut kerana mereka semuanya adalah penganut agama Islam.

[25] Seterusnya didalam kes Saman Pemula No. MT3-21-126-2004 tersebut saya juga telah memutuskan bahawa Perkara 11(1) Perlembagaan sememangnya memberi kepada seseorang itu kebebasan beragama, tetapi bagi isu keluar Islam ia adalah soal berkaitan perundangan Islam dan dengan itu dibawah bidangkuasa mahkamah syariah. Ini selaras dengan status istimewa agama Islam didalam Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 11(3) yang memberi hak kepada mana-mana kumpulan agama untuk menguruskan hal-ehwal agamanya. Sekali lagi saya merujuk kepada permerhatian yang dibuat oleh hakim didalam kes *Lina Joy (supra)*.

[26] Seperkara yang menarik didalam hujjah peguam plaintif ialah cara beliau menggunakan penghakiman Ahmad Fairuz bin Dato' Sheikh Abdul Halim, Ketua Hakim Negara, yang diberikan baru-baru ini didalam kes Mahkamah Persekutuan, *Kamariah bt. Ali & 3 Ors v. Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia* [2005] 1 MLJ 197. Peguam plaintif berhujjah bahawa Mahkamah Persekutuan didalam kes tersebut telah membuat keputusan dengan melihat kepada merit dan fakta kes tersebut dan memutuskan bahawa pemohon-pemohon didalam kes tersebut adalah penganut agama Islam pada ketika mereka melakukan kesalahan jenayah syariah yang berkenaan. Ini bermakna mahkamah ini juga wajar memutuskan kes ini berdasarkan kepada fakta dan merit kes dan membuat penentuan samaada plaintif didalam kes ini adalah penganut Islam atau tidak.

[27] Dengan lain perkataan, peguam berhujjah kes *Kamariah* tersebut *(supra)* membuka ruang kepada mahkamah sivil memutuskan isu samaada seseorang itu penganut Islam atau tidak dengan mengambil kira kebebasan agama yang termaktub didalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.

[28] Bagaimanapun setelah membaca penghakiman Ketua Hakim Negara didalam kes *Kamariah* tersebut *(supra)*, saya berpendapat peguam plaintif telah tersalah faham apa yang sebenarnya diputuskan. Dalam kes tersebut Mahkamah Persekutuan hanya semata-mata mengesahkan prinsip undang-undang universal bahawa seseorang itu tidak boleh terlepas dari cengkaman undang-undang dengan sewenang-wenangnya mengisytiharkan dirinya sebagai bukan lagi seorang yang tergulung didalam golongan orang yang tertakluk kepada undang-undang itu. Didalam kes tersebut, tiada pertikaian bahawa pemohon-pemohon adalah penganut agama Islam semasa kesalahan dilakukan. Mereka tidak boleh melepaskan diri dengan kemudiannya mengisytiharkan diri mereka bukan Islam. Atas alasan dan keadaan sedemikian, maka Mahkamah Persekutuan merasakan tidak perlu untuk menjawab tiga persoalan undang-undang yang dikemukakan kepadanya. Oleh itu adalah tidak betul untuk menyatakan kes *Kamariah* tersebut *(supra)* telah membuka ruang untuk mahkamah ini membuat penentuan samaada plaintif adalah seorang penganut Islam atau tidak.

Penutup

[29] Oleh yang sedemikian dan berdasarkan kepada alasan-alasan diatas, saya dengan ini membenarkan permohonan defendan-defendan untuk membatalkan tindakan plaintif ini dengan kos. Dengan ini juga diperintahkan kes Saman Pemula No. 21-249-2003 dan Saman Pemula No. 21-272-2003 dibatalkan dengan kos.